

13 OCT 2000

Mahathir-Komanwel

MAHATHIR MINTA KOMANWEL LAKUKAN LEBIH BANYAK BAGI ANGGOTANYA

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru Komanwel supaya bekerjasama dalam memastikan negara-negara membangun menjadi peserta sepenuhnya dalam perbincangan ekonomi antarabangsa, dan dalam membentuk dan mempergaruhi peraturan dan undang-undang dunia.

Perdana Menteri berkata, ia juga boleh bekerjasama dalam menggalakkan dasar yang membantu menutup jurang digital antara negara miskin dan kaya agar pengetahuan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkayakan semua orang.

Beliau berkata banyak negara-negara membangun dikekang oleh kekurangan modal, keupayaan institusi dan infrastruktur fizikal.

"Mereka tidak mampu memanfaatkan sepenuhnya peluang-peluang yang dibuka oleh globalisasi," katanya semasa merasmikan mesyuarat antarabangsa Pertubuhan Komuniti Komanwel (RSC) di sini.

Oleh itu, beliau berkata anggota-anggota Komanwel yang lebih maju patut membantu negara-negara anggota yang membangun untuk membina kapasiti mereka untuk berdepan dengan persekitaran global baru.

Beliau berkata, Komanwel bukan lagi perkumpulan bekas tanah-tanah jajahan empayar British kerana ia kini perkumpulan negara-negara sealiran.

"Sementara ini baik, kita mesti memastikan yang bilangan anggotanya tidak terlalu banyak sehingga ia membebankan kita sendiri dan gagal memainkan peranannya, bukan sahaja untuk membuat keputusan atas dasar kata sepakat, tetapi hinggakan untuk bertemu di peringkat tertinggi pun sukar," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata, untuk maju, Komanwel mesti meneruskan kajian semula peranannya dan menyesuaikan diri dengan dunia yang berubah pesat bagi memastikan anggota-anggotanya mampu menangani cabaran seperti globalisasi.

"Proses globalisasi hanya boleh membawa manfaat jika amalannya berpandukan peraturan dan undang-undang...tanpa peraturan dan undang-undang yang diterima di peringkat antarabangsa, keadaan anarki akan berlaku. Hanya mereka yang tidak berprinsip akan mendapat manfaat daripada keadaan ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, akhirnya, cabaran paling utama ialah untuk memastikan globalisasi tidak menguntungkan pihak tertentu sahaja sementara mengetepikan atau memiskinkan sebilangan besar negara membangun.

Kemudiannya ketika diminta mengulas lebih lanjut ucapan beliau, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa anggota-anggota Komanwel yang lebih kaya boleh berbuat banyak perkara untuk membantu negara yang lebih miskin seperti menyediakan latihan dan peralatan.

RCS merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang menggalakkan pengetahuan di negara-negara Komanwel.

Ia dibiayai oleh keanggotaan di seluruh dunia dengan cawangan-cawangan yang ditadbir sendiri, wakil-wakil kehormat dan organisasi-organisasi bersekutu di 35 negara.

Ibu pejabat antarabangsanya bertempat di London.

-- BERNAMA

MAM MAM RHM PR